

## **MAJLIS PENGHARGAAN KHAS ITEX2011**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Pada 1 Jun 2011 (Rabu)

di Dewan Badminton, Kampus UniMAP Kubang Gajah, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

UniMAP,

Yang Berusaha Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, Dekan  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang Diraikan Para Penyelidik UniMAP dan seterusnya staf  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kekuatan kepada  
kita untuk bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini dalam  
Majlis Penghargaan Khas ITEX2011. Untuk pengetahuan semua,  
majlis ini diadakan khusus bagi meraikan para penyelidik UniMAP  
yang menyertai pameran ITEX2011 yang diadakan pada 20 Mei  
hingga 22 Mei 2011 yang lalu.

Ladies and gentlemen,

UniMAP has participated by sending 50 products in ITEX2011. We  
aim being a double winner as the overall winner in the exhibition  
and a 100 percent winning medals. However, we managed to get 11  
gold, 24 silver and 11 bronze medals. Although we won 46 medals

out of 50 research products exhibited, I am indeed very proud and happy as our ranking is top amongst all IPT and IPTS in Malaysia. UniMAP has won the ITEX awards with flying colors. For your information, we were also awarded the Patron Award for gaining the highest medal record for ITEX2011. Congratulation. Please give a big round applause to all the winners. As our contribution to schools and society as a whole, we were also awarded Champion of MINDS.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman semua, anugerah Champion of MINDS telah dianugerahkan kepada saya sebagai satu pengiktirafan bagi menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh UniMAP untuk memartabatkan penyelidikan dan inovasi Negara ke peringkat antarabangsa. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga UniMAP yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kita meraih kejayaan ini. Berikan tepukan yang gemuruh kepada semua yang terlibat dalam ITEX2011.

Saya juga dimaklumkan bahawa universiti awam lain yang turut menyertai ITEX2011 adalah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT),

Universiti Malaysia Pahang(UMP), Universiti Islam AntaraBangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Namun, apa yang membanggakan saya adalah jumlah penyertaan produk yang dihantar oleh UniMAP yang masih lagi sebagai sebuah universiti muda adalah jauh lebih tinggi dari IPTA yang lain. Kita bukan sahaja mendahului pungutan pingat emas tetapi turut memonopoli pungutan pingat perak dan gangsa pameran. Ini sekaligus membuktikan bahawa penyelidik muda kita tidak ketandusan ide-ide baru bagi penciptaan produk sekaligus membuktikan bahawa kita sangat komited bagi memartabatkan penyelidikan dan inovasi Negara ke persada dunia. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Saya juga berpendapat bahawa penyertaan kita di ITEX2011 ini adalah antara penyertaan yang terbaik kita. Produk-produk yang kita hantar juga adalah produk yang baik dan tidak ketinggalan saya juga suka akan reka bentuk 'booth' pameran kita. Saya menyangka bahawa kita akan berjaya meraih anugerah untuk 'booth' tersebut tetapi rezeki tidak memihak kepada kita. Kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, janganlah rasa tertekan atau sedih dengan keputusan tersebut kerana saya tahu bahawa anda dengan ikhlas telah melaksanakan amanah ini dengan baik sekali. Segala perit jerih anda, hanya Allah S.W.T yang dapat membalas. Berikan sekali lagi tepukan yang gemuruh kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi atas usaha mereka selama ini.

Hadirin sekalian,

Bagi pihak UniMAP, sengaja kita anjurkan majlis pada hari ini kerana kita mahu kegembiraan yang anda rasai semasa diumumkan sebagai pemenang pameran ITEX2011 turut dirasai dan dikongsikan bersama oleh semua warga UniMAP. Hal ini kerana kegembiraan adalah satu aura positif yang akan memberi banyak manfaat kepada kita semua. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan daya saing dalam diri warga UniMAP untuk bersama-sama bersaing dan berjuang dalam meningkat dan mengharumkan bukan sahaja nama anda malah nama UniMAP itu sendiri. Saya pasti dengan semangat dan usaha yang berterusan ini akan membuahkan hasil yang setimpal.

Sekiranya anda berjaya meraih pelbagai anugerah dan penghargaan pasti self-esteem atau keyakinan dalam diri juga akan turut meningkat. Bila keyakinan diri sudah menebal, semangat untuk meraih kejayaan pasti akan berkobar-kobar sekaligus pelbagai kejayaan akan dilakarkan seterusnya akan mengangkat nama UniMAP setanding dengan IPT dalam dan antarabangsa.

Saya rasa tidak perlulah untuk saya bercakap panjang pada pagi ini, harapan saya agar pengalaman dan kejayaan yang kita raih dalam ITEX2011 ini akan dijadikan pedoman untuk meraih lebih banyak kejayaan pada masa akan datang sekaligus akan

memberikan impak positif kepada UniMAP. Banyak lagi pameran penyelidikan akan kita sertai antaranya Pameran PECIPTA, Bio Malaysia, British Invention Show, IENA dan SIIF. Oleh itu, kepada semua penyelidik UniMAP, berusahalah dengan sebaiknya agar anda mampu mengharumkan nama universiti yang kita cintai ini. Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

***Menulis puisi, haruslah bermadah,  
Bermain perasaan, tiada berbaki,  
Pencapaian cemerlang, terbukti sudah,  
Johan ITEX2011, UniMAP miliki.***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.